

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

TARIKH : 17.6.2015

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah sekolah di negara ini yang menawarkan pendidikan prasekolah dan apakah kriteria pemilihan sekolah berkenaan; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf guru yang mengajar di prasekolah Kementerian dari segi kelulusan minimum sekurang-kurangnya mempunyai sarjana dalam bidang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menawarkan pendidikan prasekolah kepada 6054 buah sekolah di negara ini. Untuk makluman, kriteria pemilihan sekolah adalah seperti berikut :
 - (i) Terdapat permohonan kemasukan ke prasekolah yang tinggi.

- (ii) Mempunyai kawasan untuk pembinaan kelas baharu atau mempunyai ruang bilik darjah untuk ubahsuai.
 - (iii) Tiada agensi pelaksana pendidikan prasekolah lain yang berhampiran.
- (b) Setakat ini belum ada cadangan untuk menaik taraf guru yang mengajar di prasekolah untuk mendapat kelulusan minimum sarjana. Namun begitu, KPM menggalakkan guru-guru prasekolah yang memiliki ijazah sarjana muda untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dalam bidang berkaitan dengan prasekolah.

RJM110